



23 Mei 2019

## **KENYATAAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

### **PEMERIKSAAN KENDERAAN SECARA SUKARELA (VVI) PERCUMA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2019**

**Shah Alam, 23 Mei 2019** – Sebagai sebuah syarikat yang berperanan membantu memastikan keselamatan kenderaan di Malaysia, PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) sekali lagi menganjurkan kempen Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019. Ini merupakan tanggungjawab sosial syarikat dalam meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan kenderaan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada pemilik dan pemandu kenderaan.

Kempen yang berlangsung selama 10 hari bermula pada 24 Mei hingga 2 Jun 2019 akan dijalankan di semua 54 Pusat Pemeriksaan Kenderaan PUSPAKOM seluruh negara (kecuali Shah Alam dan Pasir Gudang yang dihaskan untuk kenderaan berat sahaja) sepanjang waktu operasi pusat pemeriksaan masing-masing (waktu operasi berdasarkan waktu bekerja di negeri masing-masing).

Berdasarkan statistik PUSPAKOM, sebanyak 51% jumlah kenderaan persendirian yang hadir pemeriksaan termasuk Pemeriksaan Kenderaan secara Sukarela di PUSPAKOM tidak mencapai tahap piawaian pemeriksaan yang ditetapkan. Pemeriksaan yang paling tinggi yang tidak mencapai tahap piawaian ialah brek iaitu sebanyak 35% diikuti dengan gelincir sisi, 30% dan pelepasan asap sebanyak 10%. Ini amat membimbangkan kerana komponen utama kenderaan seperti brek yang tidak berfungsi dengan baik dan keputusan pemeriksaan gelincir sisi yang tidak memuaskan, terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Tambahan pula, pelepasan asap yang tidak mengikut piawaian Jabatan Alam Sekitar akan menyebabkan pencemaran udara.

Turut serta dalam program ini adalah unit bergerak PUSPAKOM, yang akan menjalankan pemeriksaan kenderaan percuma di beberapa kawasan terpilih iaitu di Pasar Awam Berapit, Pulau Pinang dan AEON Mall Nilai pada 26 Mei 2019, BHP Petrol, Karak pada 27 Mei 2019, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP), Putrajaya pada 28 Mei 2019, Petronas Kerteh, Kuala Terengganu pada 28 hingga 29 Mei 2019, Unisel

Bestari Jaya, Selangor pada 29 Mei 2019 dan Wisma DRB-HICOM, Shah Alam pada 30 Mei 2019.

Sementara itu, PUSPAKOM akan menderma sebanyak RM2 kepada beberapa rumah kebajikan terpilih bagi setiap kenderaan yang menjalani Pemeriksaan Kenderaan secara Sukarela percuma sepanjang tempoh kempen berlangsung. Ini bagi menggalakkan lagi pemilik kenderaan persendirian menyertai kempen ini dan pada masa yang sama membuat amal jariah kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Selain daripada ujian brek, pemeriksaan ini juga melibatkan 25 peringkat pemeriksaan lain termasuk pemeriksaan tayar, gelincir sisi, suspensi, pelepasan asap, pemeriksaan bahagian atas dan bawah, pemeriksaan cermin gelap dan lain-lain. Laporan pemeriksaan akan digunapakai sebagai rujukan pemilik kenderaan sebelum menyelenggara kenderaan tersebut di bengkel-bengkel kenderaan. Fi sebenar Pemeriksaan Kenderaan secara Sukarela ini adalah RM50 bagi sebuah kenderaan. Namun dalam tempoh kempen berlangsung, pemeriksaan ini adalah percuma.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail berkata, “Kami sentiasa mengambil berat tentang keselamatan kenderaan dan pengguna jalan raya di Malaysia. Peranan PUSPAKOM adalah membantu pemilik kenderaan untuk memastikan tahap keselamatan secara menyeluruh kenderaan mereka dengan menjalani pemeriksaan kenderaan menggunakan peralatan pemeriksaan yang mengikut piawaian yang ditetapkan. Sempena hari raya yang bakal tiba ini, saya berharap para pemandu dan pemilik kenderaan persendirian tidak melepaskan peluang menghantar kenderaan ke PUSPAKOM untuk diperiksa bagi mengetahui kondisi kenderaan mereka”.

Orang ramai khususnya pemilik dan pemandu kenderaan persendirian, boleh melayari laman sesawang [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau mengikuti Facebook Puspakom Sdn Bhd untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Kempen Pemeriksaan Kenderaan secara Sukarela Sempena Hari Raya 2019 ini.

---

**Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan**

PUSPAKOM Sdn Bhd.

Tel: 03-2052 7465/ 7464